

DETIK NIAGA

Kepelbagaian eksport, hubungan M'sia-China kurangkan impak jika berlakunya kemelesetan AS

🕒 08 Ogos 2024, 7:57pm



Teng Boo pada sidang akhbar di Kuala Lumpur, hari ini.- Foto:NSTP

Oleh: Amanda Lopez

KUALA LUMPUR: Ekonomi Malaysia dijangka terus berdaya tahan walaupun berlakunya kemelesetan di Amerika Syarikat dalam tempoh terdekat.

Pengarah Urusan, Capital Dynamics, Tan Teng Boo, berkata keyakinan itu bersandarkan dasar eksport yang seimbang selain potensi besar dalam penyertaan blok "BRICS".

"Saya jangka ekonomi China akan kekal kukuh, manakala ekonomi Amerika Syarikat (AS) pula akan lemah. Justeru, AS harus memotong kadar faedahnya dan kerana Malaysia mempunyai hubungan rapat dengan ekonomi China, Malaysia akan menerima manfaat. Kadar faedah Malaysia tidak perlu turun dengan ketara kerana faktor yang mendorong Bank Negara atau mana-mana bank pusat untuk memotong kadar faedah adalah untuk memberi sokongan kepada ekonomi" katanya pada sidang media pagi tadi.

Beliau berkata, terdapat beberapa indikator jelas yang menunjukkan AS sedang menuju ke arah kemelesetan, situasi yang mengakibatkan kejatuhan besar di pasaran saham utama Asia pada awal minggu ini.

"Antara indikator kurang popular, namun telah terbukti dan boleh dipercayai ialah Sahm Rule, yang menyatakan bahawa kemelesetan AS berlaku apabila purata pergerakan tiga bulan kadar pengangguran AS ialah 0.5 mata peratusan atau lebih di atas titik terendah dalam tempoh 12 bulan lalu.

"Nilai ambang ini telah dilepasi pada 2 Ogos lalu apabila kadar pengangguran AS merekodkan 4.3 peratus, dengan bacaan Sahm Rule mencecah 0.53 mata pada bulan Julai 2024.

"Hampir semua indikator memberitahu bahawa AS kini berdepan kemelesetan ekonomi," katanya Teng Boo yang juga Profesor Adjung di Universiti Teknologi Sydney.

Pasaran Asia menyumbang 70 peratus kepada struktur ekonomi Malaysia.

Sebaliknya, pasaran Amerika Syarikat dan Eropah masing-masing hanya merangkumi 14 peratus dan 9.4 peratus

"Perlu diingat China juga sangat bergantung kepada eksport dan sekiranya pasaran global mengalami kemelesetan, ia perlu meingkatkan perbelanjaan pada peringkat domestik, yang memberi kita peluang untuk mengeksport lebih banyak ke sana.

"Selain itu, syarikat China juga menyukai Malaysia kerana terdapat persamaan dari segi budaya dan hubungan politik yang rapat, malah dengan membuka perniagaan di sini, mereka boleh turut mengeksport ke AS, mengambil kira hubungan antara AS dan China yang kompleks," katanya.

Sementara itu, ringgit dijangka mengukuh di antara 4.4 hingga 4.5 berbanding dolar Amerika menjelang akhir tahun ini.